



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 08/2022**

**PERISTIWA ISRA' DAN MI'RAJ  
PENGHAYATAN SEPANJANG ZAMAN**

**23 Rejab 1443 H**

*Bersamaan*

**25 Februari 2022**

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي  
بَارَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ وَوَالَاهُ،

أَمَّا بَعْدُ. فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Marilah sama-sama kita bertaqwa kepada Allah SWT dan taat kepadanya.  
Mudah-mudahan kita meraih kejayaan.

Pada hari penuh berkat ini, sukalah khatib untuk menyampaikan satu  
khutbah bertajuk :

**“Peristiwa Isra' dan Mi'raj Penghayatan Sepanjang Zaman”.**

**Sidang jumaat yang dirahmati sekalian,**

Rajab merupakan bulan yang sinonim dengan peristiwa al-Isra' dan al-Mi'raj.  
Satu perjalanan malam Nabi Muhammad saw secara ruh dan jasad dari al-  
Masjidil Haram ke al-Masjidil Aqsa, sebelum dinaikkan ke langit,  
sebagaimana terakam dalam al-Quran dan Hadis.

Peristiwa ini benar-benar berlaku secara mutawatir yang tidak boleh  
disangkal lagi. Ini bermakna sesiapa yang mengingkari peristiwa ini boleh  
membawa kepada kekufuran. Firman Allah swt dalam Surah al-Najm, ayat  
11-12 :

مَا كَذَبَ الْفُؤَادُ مَا رَأَى ۚ ﴿١١﴾ أَفَتَمُرُونَهُ عَلَىٰ مَا يَرَىٰ ﴿١٢﴾

**Maksudnya :** “Hati (Nabi Muhammad) tidak mendustakan apa yang dilihatnya. Patutkah kamu hendak membantahnya mengenai apa yang telah dilihatnya itu?”

Peristiwa Isra’ dan Mi’raj merupakan antara mukjizat terbesar Rasulullah saw selepas Al-Quran. Firman Allah swt dalam Surah al Isra’ ayat 1 :

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِ ۚ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي  
بَرَكْنَا حَوْلَهُ ۚ لَنُرِيَهُ مِن آيَاتِنَا ۚ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

**Bermaksud:** “Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjidil Haram (di Makkah) ke Masjidil Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.”

Isra’ merupakan perjalanan baginda saw dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa dengan menunggang buraq. Mi’raj pula merujuk kepada perjalanan Nabi dari Masjidil Aqsa hinggalah ke langit ke-tujuh mengadap Allah swt setelah melepasi Sidratul Muntaha. Baginda saw turut menyaksikan pelbagai tanda kebesaran pemerintahan dan fenomena keajaiban kuasa Allah swt.

Ia berlaku setahun atau lebih sebelum hijrah Nabi Muhammad saw ke Madinah al-Munawwarah, akibat tekanan keras dan hinaan kuat yang dihadapi oleh Rasulullah saw dan para sahabat. Menurut Syeikh

Muhammad al Ghazali: “Isra’ dan Mi’raj berlaku hampir di tengah-tengah perjalanan kerasulan yang masa keseluruhannya 23 tahun. Dengan demikian, ianya menjadi rawatan menyapu luka keletihan dan kepenatan masa lampau, dan ianya juga adalah benih dan bijian yang ditabur tanamannya untuk dituai hasil kejayaan pada masa mendatang.”

Terbukti bahawa peristiwa Isra’ dan Mi’raj telah membuahkan Bai’ah al-‘Aqabah, Hijrah dan tampuk pemerintahan di Kota Madinah, serta kemenangan yang berterusan di medan jihad sepanjang hayat Rasulullah saw dan selepas kewafatan dengan pembukaan empayar-empayar besar dunia yang meluas.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati.**

Peristiwa Isra’ dan Mi’raj adalah satu pelepasan dari kesempitan yang dialami baginda Nabi saw disebabkan perancangan jahat musuh yang mengepung pergerakan baginda saw di Mekah dan Taif. Sebelum Surah al Isra', di penghujung Surah al Nahl: ayat 127, Allah swt berfirman:

وَأَصْبِرْ وَمَا صَبْرُكَ إِلَّا بِاللَّهِ وَلَا تَحْزَنْ عَلَيْهِمْ وَلَا تَكُ فِي ضَيْقٍ مِّمَّا

يَمْكُرُونَ ﴿١٢٧﴾

**Bermaksud :** “ Dan bersabarlah (wahai Muhammad terhadap perbuatan dan telatah golongan yang ingkar itu); dan tiadalah berhasil kesabaranmu melainkan dengan (memohon pertolongan) Allah; dan janganlah engkau berdukacita terhadap kedegilan mereka, dan janganlah engkau bersempit dada disebabkan tipu daya yang mereka lakukan.”

Peristiwa ini juga adalah membuktikan bahwa Allah swt tidak sesekali meninggalkan kekasihnya terutamanya Rasullah saw, penghulu sekalian anbia', dalam apa jua keadaan. Menutup Surah al Nahl, ayat 128 Allah swt berfirman :

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الَّذِينَ اتَّقَوْا وَالَّذِينَ هُمْ مُحْسِنُونَ ﴿١٢٨﴾

**Bermaksud** : “Sesungguhnya Allah beserta golongan yang bertaqwa, dan golongan yang beramal ihsan.”

### **Kaum muslimin yang dimuliakan.**

Peristiwa Isra' dan Mi'raj bukanlah sejarah yang mati, bahkan Ia sentiasa hidup segar dan berdenyut nadi di dalam saraf kehidupan umat sepanjang zaman. Penghayatan terhadap pengajaran dan pelajaran merentasi sempadan masa dari peristiwa agung ini dirumuskan seperti mana berikut :

#### **1.MENGAKUI KEBESARAN ALLAH DAN KEHEBATAN KERAJAANNYA.**

Allah telah memperlihatkan kepada Rasulullah saw keagungan kerajaannya yang luas, melepasi segala perbatasan dan sempadan. Peristiwa ini mendidik manusia untuk merasa diri kerdil di hadapan keagungan kuasa Allah swt dan mengakui hakikat kelemahan diri sebagai hamba Allah yang sentiasa bersedia untuk berbakti, mengambil contoh tauladan dari sifat perhambaan ('ubdiyyah) Rasulullah saw.

## **2.KEPENTINGAN SOLAT FARDU LIMA WAKTU**

Rasulullah saw telah menerima perintah solat fardhu secara langsung dari Allah tanpa perantaraan. Ini menunjukkan keistimewaan, kelebihan dan ketinggian ibadah solat berbanding ibadah yang lain. Solat adalah mi'raj (hubungan langsung dengan Allah swt) bagi setiap mu'min sepanjang hayat.

## **3. BAITULMAQDIS ADALAH HARTA UMAT ISLAM**

Bumi palestina adalah bumi barakah yang menjadi tempat pilihan Allah untuk berlakunya peristiwa penting berakhirnya al-Isra' dan bermulanya al-Mi'raj. Ini membuktikan kesucian tanah ini yang dimuliakan Allah dan wajib dipertahankan oleh semua umat Islam sepertimana mereka mempertahankan kesucian Mekah dan Madinah.

## **4. ISLAM AGAMA FITRAH.**

Tugas pendakwah Islam adalah mengembalikan umat kepada agama fitrah iaitu Islam, yang memenuhi naluri ciptaan asal kejadian manusia. Ia terbukti ketika Rasulullah saw memilih untuk meminum susu yang menyihatkan berbanding arak yang memabukkan, yang dihidangkan pada malam bersejarah itu.

## **5. ISLAM MERANCAKKAN KEMAJUAN SAINS DAN TEKNOLOGI.**

Perjalanan bumi dan pelayaran angkasa yang berlangsung melalui peristiwa Isra' Mi'raj adalah bersifat mukjizat yang mencabar dan mengatasi kemajuan sains dan teknologi moden. Jauh sekali dari meminggir atau memusuhi lapangan ini, sebaliknya Islamlah agama yang membuka ufuk kesedaran untuk meneroka alam yang maha luas ini. Tidak cukup dengan penguasaan alam bumi, digesakan pula untuk menakluki angkasaraya melalui ilmu falak

dan astronomi. Melalui sains dan teknologi, manusia akan terpegun dengan ketepatan fakta mukjizat al-Quran dan al-Sunnah serta lebih mendekatkan diri sebagai hamba Allah.

## **6. KEMULIAAN INSTITUSI MASJID.**

Kedudukan masjid sebagai rumah Allah yang menerima pengunjungnya sebagai tetamu Allah yang dimuliakan secara sama rata. Masjid juga berperanan sebagai pusat pengembangan dakwah dan sinar hidayah Islam. Keistimewaan ini terbukti apabila Rasullullah saw diisra'kan bermula dari masjid (Masjidil Haram) dan berakhir juga di masjid (Masjidil Aqsa).

## **7.MENJAUHI PERKARA MUNGKAR DAN MAKSIAT.**

Melalui peristiwa Isra' dan Mikraj, Rasululllah saw diperlihatkan suasana syurga dan neraka. Di neraka baginda melihat pelbagai bentuk balasan dan penyiksaan ke atas orang-orang yang ingkar kepada perintah Allah swt. Ini memberi iktibar kepada kita supaya menjauhi perkara-perkara yang dilarang dan dimurkai oleh Allah.

## أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذْ قُلْنَا لَكَ إِنَّ رَبَّكَ أَحَاطَ بِالنَّاسِ وَمَا جَعَلْنَا الرُّءْيَا الَّتِي أَرَيْنَاكَ إِلَّا فِتْنَةً لِلنَّاسِ

وَالشَّجَرَةَ الْمَلْعُونَةَ فِي الْقُرْآنِ وَنُحِيفُهُمْ وَمَا يَرِيدُهُمْ إِلَّا طُغْيَانًا كَبِيرًا ﴿٦٠﴾

**Bermaksud :** “Dan (ingatlah) ketika Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), bahwa sesungguhnya Tuhanmu meliputi akan manusia (dengan ilmuNya dan kekuasaanNya; dan tiadalah Kami menjadikan pandangan (pada malam Mi'raj) yang telah kami perlihatkan kepadamu melainkan sebagai satu ujian bagi manusia; dan (demikian juga Kami jadikan) pokok yang dilaknat di dalam Al-Quran; dan Kami beri mereka takut (dengan berbagai-bagai amaran), maka semuanya itu tidak menambahkan mereka melainkan dengan kekufuran yang melampau.

(Surah al-Isra': 60)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.

وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.

وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ

وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyak ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطِّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وِلْيَ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, pertautkanlah hati kami, perbaikilah hubungan sesama kami, tunjukkan kami jalan-jalan kesejahteraan, selamatkan kami daripada kesesatan, bimbinglah kami menuju kepada kebenaran, jauhkan kami daripada segala keburukan dan kejahatan yang zahir mahupun tersembunyi.

Ya Allah, perkayakan kami dengan ilmu pengetahuan, perelokkan kami dengan budi pekerti, muliakan kami dengan ketakwaan, dan hiasilah kami dengan kesihatan yang baik.

Ya Allah, berkati dan rahmatilah kehidupan, keluarga dan keturunan kami. Terimalah taubat kami, sesungguhnya Engkau yang Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang. Jadikanlah kami orang-orang yang bersyukur akan nikmat-Mu, penyanjung nikmat-Mu, penerima kurniaan nikmat-Mu, dan sempurnakanlah nikmat-Mu kepada kami.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أَذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.